


Ruj. Kami: EAIC.900-1/3 Jld.3 (60)


Tarikh : 27 April 2015

DENGAN TANGAN/FAKS

Seperti Senarai Edaran



ma



YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Tuan/ Puan,

HEBAHAN DAN MAKLUMAN LAMAN SESAWANG DAN MEDIA SOSIAL (FACEBOOK DAN TWITTER) SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Tuan/ Puan sedia maklum, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency integrity Commission* (EAIC) melalui fungsinya di bawah seksyen 4 (1) (e) Akta 700 bertanggungjawab menggalakkan kesedaran, menambahbaik dan mengadakan pendidikan berhubung integriti di kalangan agensi penguatkuasaan seliaannya serta mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.

3. Sejalan dengan pelaksanaan fungsi ini, EAIC telah mengoptimumkan penggunaan laman sesawang dan media sosialnya dengan memuat naik laporan berita dan isu semasa berkaitan kes-kes salah laku serta usaha-usaha pencegahan salah laku dan pengukuhan integriti pegawai penguat kuasa khususnya yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan seliaannya.

4. Melalui laman sesawang dan media sosial ini, EAIC juga mengalu-alukan sebarang cadangan atau maklum balas pegawai penguat kuasa / warga kerja YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Tuan/ Puan dalam usaha pemantapan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan seliaannya serta meningkatkan mutu perkhidmatan EAIC.


5. Sehubungan dengan itu, pihak EAIC ingin memohon pertimbangan dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memanjangkan hebahan dan makluman berkenaan laman sesawang dan media sosial EAIC kepada seluruh warga kerja di Kementerian / Jabatan / Agensi YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk makluman bersama.

6. Bersama-sama ini dilampirkan poster hebahan makluman laman sesawang dan media sosial EAIC untuk tindakan selanjutnya. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH"

Saya yang menurut perintah,



(KAMAL BAHARIN BIN OMAR)

Setiausaha

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan



eaicofficial

LIKE



eaicofficial

FOLLOW



eaic official

SUBSCRIBE



www.eaic.gov.my

VISIT

